

19/10/2003

PM bantah keganasan, bukan anti-Semitik: Najib

PEKAN: Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang kemuncak ke 10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang kononnya berbau anti-Semitik, sebenarnya bukan menentang Yahudi tetapi beliau cuma tidak bersetuju dengan penggunaan kekerasan termasuk merampas harta dan membunuh warga Palestin.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata konflik yang berlaku sekarang disebabkan tanah rakyat Palestin dirampas dan diceroboh, malah mereka dikasari oleh rejim Tel Aviv sejak 50 tahun lalu.

Katanya, media Barat sengaja memutar belitkan ucapan Dr Mahathir kerana kenyataan yang dikeluarkan itu bukan dipetik dalam susunan ucapan Perdana Menteri.

"Dr Mahathir meminta umat Islam menggunakan akal dan strategi yang waras sebelum bertindak. Beliau ada menyebut sejarah perjuangan Rasulullah dan zaman Salehuddin yang bertimbang rasa terhadap musuh Islam.

"Perdana Menteri juga menghuraikan sejarah yang menunjukkan orang Yahudi dan Islam hidup aman damai terutama di Afrika Utara," katanya selepas menyampaikan bantuan kepada 47 masjid dan 126 surau di Parlimen Pekan, di sini petang semalam.

Najib berkata, konflik dunia Islam sekarang bukan bermakna orang Islam menentang Yahudi atau orang Kristian, tetapi ia adalah reaksi yang ditunjukkan mana-mana kaum apabila dizalimi pihak lain.